

SULIT

3756/1
Prinsip
Perakaunan
Kertas 1
September
2009

$1\frac{1}{4}$ jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2009
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.
4. Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan.

Disediakan Oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai Oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Dicetak Oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak

SULIT**3756/1**

- 1 Antara berikut yang manakah tujuan penubuhan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) ?
- A Menentukan kod etika profesion perakaunan.
 - B Mengeluarkan pernyataan prinsip bagi laporan kewangan.
 - C Mengendalikan peperiksaan untuk profesion perakaunan.
 - D Menyediakan laporan kewangan untuk sesebuah perniagaan.

- 2 Sesebuah perniagaan diandaikan akan beroperasi untuk selama-lamanya.

Berdasarkan maklumat di atas, apakah konsep perakaunan yang terlibat?

- A Berterusan
 - B Materialiti
 - C Ketekalan
 - D Pemadanan
- 3 Antara berikut, manakah organisasi yang menerbitkan saham kepada orang ramai?
- A Megamik Berhad.
 - B Restoran Kenawar.
 - C Damai Sendirian Berhad.
 - D Peguambela Nora dan Rakan-rakan.

- 4 Urus niaga berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Diana Jaya:

Perniagaan menerima cek RM3 000 daripada Sudin untuk menjelaskan sepenuh hutangnya berjumlah RM3 050.

Pilih catatan lejar yang betul untuk merekodkan urus niaga di atas.

Sudin			
A	Bank	3 000	Baki b/b 3 050
	Diskaun diberi	50	

Sudin			
B	Bank	3 050	Baki b/b 3 050

Sudin			
C	Baki b/b	3 050	Bank 3 000 Diskaun diberi 50

Sudin			
D	Baki b/b	3 050	Bank 3 050

- 5 Chah menerima cek berjumlah RM880 daripada seorang penghutang bagi menjelaskan hutangnya RM900. Antara berikut, yang manakah menerangkan kesan urus niaga di atas kepada persamaan perakaunan?
- A Bank bertambah RM880, Penghutang berkurang RM900, Untung bersih berkurang RM20.
- B Bank bertambah RM900, Penghutang berkurang RM880, Untung bersih bertambah RM20.
- C Bank berkurang RM880, Penghutang bertambah RM900, Untung bersih berkurang RM20.
- D Bank berkurang RM900, Penghutang bertambah RM880, Untung bersih bertambah RM20.
- 6 Kesan urus niaga X terhadap persamaan perakaunan adalah seperti berikut:

	ASET	LIABILITI	MODAL
Urus niaga X	Berkurang RM4 500	Berkurang RM4 500	Tidak Berubah

Urus niaga X adalah

- A Bayar gaji pekerja dengan cek RM4 500.
- B Bayar hutang RM4 500 dengan cek.
- C Terima tunai RM4 500 daripada penghutang.
- D Jual perabot lama RM4 500 secara kredit.

SULIT**3756/1**

7 Antara berikut, akaun manakah disenaraikan dalam ruangan kredit Imbangan Duga?

- I Akaun Pinjaman
- II Akaun Angkutan keluar
- III Akaun Faedah atas pinjaman
- IV Akaun Peruntukan susut nilai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8 Imbangan Duga berikut diambil dari buku Perniagaan Ruskani:

Imbangan Duga pada 31 Disember 2008

Butir	Debit RM	Kredit RM
Jualan		7 890
Stok	900	
Bank	4 750	
X		200
Sewa	2 440	

Apakah X?

- A Ambilan
- B Penghutang
- C Kadar bayaran
- D Diskaun diterima

9 Lejar Jualan digunakan untuk merekod

- A Akaun Penghutang.
- B Akaun Pemiutang.
- C Akaun Jualan.
- D Akaun Belian.

10 Data 1 menunjukkan aset dan liabiliti sebuah perniagaan pada akhir tempoh perakaunan.

	RM
Premis	150 000
Stok	3 750
Tunai	2 500
Pemiutang	4 780
Pinjaman	100 000
Penghutang	5 100

Data 1

Hitungkan ekuiti pemilik perniagaan.

- A RM46 370
- B RM50 000
- C RM51 470
- D RM56 570

Soalan 11 dan 12 berdasarkan maklumat berikut:

Aset	Ekuiti Pemilik	Liabiliti
RM	RM	RM
20 000	X	5 000
Y	15 000	20 000

3756/1

SULIT

- 11 Nilai X ialah
- A RM5 000
 - B RM15 000
 - C RM20 000
 - D RM25 000
- 12 Nilai Y ialah
- A RM5 000
 - B RM15 000
 - C RM20 000
 - D RM35 000

Tarikh	: 18 Mei 2009	
Penerima	: Pasar Mini Nadia	
Kerana	: Kegunaan tunai	
	perniagaan	
Baki akhir		
Dimasukkan		
Jumlah		
Cek ini		
Baki		
No.: 456414		

KERATAN CEK

- 13 Berdasarkan keratan cek, apakah catatan yang betul dalam lejar?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A	Akaun Ambilan	Akaun Bank
B	Akaun Bank	Akaun Tunai
C	Akaun Pasar Mini Nadia	Akaun Bank
D	Akaun Tunai	Akaun Bank

- 14 Akaun Kenderaan dan Akaun Bank bagi Aisyah Enterprise adalah seperti berikut:

Akaun Kenderaan			
2009		RM	
Julai 8	Bank	100 000	

Akaun Bank			
	2009		RM
	Julai 8	Kenderaan	100 000

Urus niaga di atas menunjukkan perniagaan

- A membeli sebuah kenderaan dengan cek.
- B membeli sebuah kenderaan secara tunai.
- C menjual sebuah kenderaan secara tunai.
- D menjual sebuah kenderaan dan terima cek.

- 15 Antara berikut yang manakah benar tentang penutupan akaun?

A	Akaun Gaji	Kredit Akaun Untung Rugi
B	Akaun Belian	Kredit Akaun Perdagangan
C	Akaun Cukai Belian	Debit Akaun Perdagangan
D	Akaun Komisen Diterima	Debit Akaun Untung Rugi

- 16 Manakah yang benar tentang cara mengawal tunai?

- I Memastikan tunai adalah mencukupi untuk perbelanjaan harian.
 - II Lebihan tunai di tangan mestilah dibankkan pada hari yang sama.
 - III Segala penerimaan tunai atau cek mestilah disokong oleh slip atau salinan resit.
 - IV Kerani yang mengawal pergerakan fizikal tunai dan merekod urus niaga tunai mestilah orang yang sama.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

SULIT

3756/1

17 Urus niaga yang manakah menyebabkan ekuiti pemilik bertambah?

- I Pemilik membawa masuk perabot peribadi ke dalam perniagaan.
- II Perniagaan mengalami rugi bersih.
- III Perniagaan memperoleh untung bersih.
- IV Pemilik mengambil barang niaga untuk kegunaan peribadi.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

18 Data 2 menunjukkan belanjawan tunai Syarikat Suboh bagi bulan Julai 2009.

	RM
Baki Awal	8 000
Penerimaan:	
Jualan	3 000
Hasil Perkhidmatan	6 000
Hasil Komisen	300
Bayaran Masuk	1 500
Pembayaran:	
Belian	3 600
Gaji	800
Sewa	650
Belanja Am	130

Data 2

Hitungkan baki pada 31 Julai 2009.

- A RM5 180
- B RM5 620
- C RM10 800
- D RM13 620

- 19 Maklumat berikut diperoleh daripada Akaun Perdagangan Kedai Kasut Wan:

Kedai Kasut Wan				
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008				
	RM	RM	RM	
Stok Awal		4 500	Jualan	50 000
Belian	56 400		S	4 950
P	400			
	<u>56 000</u>			
Duti Belian	1 250			
		<u>57 250</u>		
Q		61 750		
(-) Stok Akhir		<u>6 800</u>		
R		54 950		
		<u>54 950</u>		<u>54 950</u>

Apakah butir R dan S?

- A Kos jualan dan rugi kasar
 - B Untung kasar dan kos jualan
 - C Kos barang untuk dijual dan rugi kasar
 - D Untung kasar dan kos barang untuk dijual
- 20 Mengapakah dokumen perniagaan diperlukan dalam sesuatu urusan niaga?
- A Untuk memudahkan penyediaan penyata kewangan.
 - B Untuk kelancaran perjalanan urusan niaga.
 - C Sebagai bukti bahawa sesuatu urusan niaga telah berlaku.
 - D Sebagai alat perancangan kewangan perniagaan.

SULIT

3756/1

- 21 Butir berikut diambil daripada Imbangan Duga Delli Trading bagi tahun berakhir 30 Jun 2009:

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Penghutang	7 000	
Hutang lapuk	500	
Peruntukan hutang ragu		300

Perniagaan bercadang untuk menyelaraskan 5% peruntukan hutang ragu atas penghutang. Berapakah nilai peruntukan hutang ragu yang akan dipindahkan ke Akaun Untung Rugi?

- A RM325
 B RM350
 C RM50
 D RM25
- 22 Hutang lapuk yang dijelaskan oleh penghutang dikenali sebagai
- A peruntukan hutang lapuk.
 B hutang lapuk terpulih.
 C hutang lapuk.
 D hutang ragu.
- 23 Jurnal Am berikut diambil daripada buku perniagaan Perikongsian Nur dan Nina:

Jurnal Am

Butir	Debit	Kredit
Akaun Realisasi	580	
Akaun Bank		580

Catatan Jurnal Am tersebut disediakan apabila perkongsian

- A mengalami kerugian.
 B menutup Akaun Bank.
 C membayar kos pembubaran.
 D membayar hutang kepada pemiutang.

- 24 Mengapakah Akaun Bank tidak dipindahkan ke Akaun Realisasi semasa pembubaran?
- A Akaun Bank bukan aset bukan semasa.
 - B Akaun Bank akan direalis selepas pembubaran dilakukan.
 - C Akaun Bank akan direalis sebelum pembubaran dilakukan.
 - D Baki Akaun Bank akan digunakan untuk membayar liabiliti yang ada.
- 25 Urus niaga manakah tidak direkodkan dalam Akaun Realisasi ketika pembubaran perkongsian?
- A Penerimaan daripada penghutang.
 - B Menjelaskan belanja pembubaran.
 - C Pekongsi mengambil alih aset.
 - D Membayar hutang kepada pemiutang.
- 26 Apakah yang dimaksudkan dengan 7% Saham Keutamaan ?
- A Bonus kepada pemegang Saham Keutamaan sebanyak 7%.
 - B Faedah kepada pemegang Saham Keutamaan sebanyak 7%.
 - C Dividen kepada pemegang Saham Keutamaan sebanyak 7%.
 - D Jumlah keuntungan syarikat akan dirizab sebanyak 7% untuk diagih kepada pemegang Saham Keutamaan.
- 27 Syarikat Tiara Murni Berhad telah didaftarkan dengan modal yang terdiri daripada 6 000 000 Saham Biasa yang bernilai RM0.50 setiap satu dan 4.000 000 7% Saham Keutamaan bernilai RM2.00 setiap satu. Syarikat telah menerbitkan semua Saham Biasa dan separuh Saham Keutamaan pada nilai tara. Berapakah jumlah modal diterbitkan?
- A RM5 000 000
 - B RM7 000 000
 - C RM8 000 000
 - D RM10 000 000

SULIT

3756/1

- 28 Syarikat Alam Fauna Berhad telah menerbitkan 500 000 unit Saham Biasa, RM1.00 setiap satu kepada orang ramai. Catatan jurnal bagi merekod terbitan saham tersebut ialah

Jurnal Am

A	Butir	Debit	Kredit
	Akaun Permohonan Saham Biasa	500 000	
	Akaun Modal Saham Biasa		500 000
	Akaun Bank	500 000	
	Akaun Modal Saham Biasa		500 000

Jurnal Am

B	Butir	Debit	Kredit
	Akaun Modal Saham Biasa	500 000	
	Akaun Permohonan Saham Biasa		500 000
	Akaun Permohonan Saham Biasa	500 000	
	Akaun Bank		500 000

Jurnal Am

C	Butir	Debit	Kredit
	Akaun Bank	500 000	
	Akaun Pemohonan Saham Biasa		500 000
	Akaun Permohonan Saham Biasa	500 000	
	Akaun Modal Saham Biasa		500 000

Jurnal Am

D	Butir	Debit	Kredit
	Akaun Modal Saham Biasa	500 000	
	Akaun Bank		500 000
	Akaun Permohonan Saham Biasa	500 000	
	Akaun Modal Saham		500 000

- 29 Pernyataan berikut adalah perbezaan antara Saham Biasa dan Saham Keutamaan kecuali:
- A Pemegang Saham Keutamaan berhak mengundi dalam mesyuarat agung manakala pemegang Saham Biasa tidak berhak mengundi.
 - B Kadar dividen bagi pemegang Saham Keutamaan adalah tetap setiap tahun tetapi kadar dividen Saham Biasa tidak tetap.
 - C Risiko yang ditanggung oleh pemegang Saham Keutamaan adalah lebih rendah daripada risiko yang ditanggung oleh pemegang Saham Biasa.
 - D Pemegang Saham Keutamaan menerima dividen terlebih dahulu berbanding dengan pemegang Saham Biasa.

- 30 Antara berikut pernyataan yang manakah benar tentang kelab dan persatuan?
- I Kelab dan persatuan tidak bermotifkan untung.
 - II Kelab dan persatuan tidak ditubuhkan untuk menjalankan perniagaan.
 - III Rekod kewangan tidak disimpan oleh kelab dan persatuan kerana ia bukan organisasi perniagaan.
 - IV Kelab dan persatuan bertujuan untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan sosial, kebudayaan, rekreasi dan sukan kepada ahli-ahli.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

- 31 Catatan bergu untuk merekod yuran yang diterima daripada ahli dalam Kelab dan Persatuan ialah

	Debit	Kredit
A	Akaun Yuran	Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan
B	Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan	Akaun Yuran
C	Akaun Yuran	Akaun Penerimaan dan Pembayaran
D	Akaun Penerimaan dan Pembayaran	Akaun Yuran

- 32 Data 3 ialah maklumat yang diambil daripada Kelab Taman Setia pada 1 Januari 2009.

	RM
Alatan sukan	1 800
Tunai	3 000
Yuran tertunggak	170
Yuran terdahulu	260
Kadar bayaran terakru	50

Data 3

SULIT

3756/1

Hitung dana terkumpul pada 1 Januari 2009.

- A RM4 320
- B RM4 660
- C RM4 760
- D RM4 840

33 Urus niaga yang manakah merupakan perbelanjaan hasil bagi sesebuah kelab?

- A Belanja membaiki bumbung bangunan kelab.
- B Pembelian perabot untuk kegunaan kelab.
- C Belanja mengubah suai bangunan kelab.
- D Pembelian alatan sukan.

34 Catatan kontra dalam Akaun Kawalan berlaku apabila

- A perniagaan membeli dan menjual barang kepada pihak yang sama.
- B perniagaan terlebih bayar hutangnya kepada pemiutang.
- C perniagaan memulangkan barang yang rosak kepada pembekal.
- D perniagaan mengenakan caj angkutan kepada pelanggan.

35 Aset dan liabiliti berikut dipetik daripada buku seorang peniaga:

	RM
Kenderaan	30 000
Stok akhir	5 000
Penghutang	10 300
Pemiutang	2 200
Tunai	3 400
Bank	8 100

Hitung jumlah modal perniagaan tersebut.

- A RM53 500
- B RM54 600
- C RM56 800
- D RM59 000

- 36 Antara berikut, pernyataan yang manakah benar ?
- A Untung Bersih = Modal Awal – Modal Akhir + Ambilan – Modal Tambahan
 - B Untung Bersih = Modal Akhir – Modal Awal – Ambilan + Modal Tambahan
 - C Untung Bersih = Modal Akhir + Ambilan – Modal Awal – Modal Tambahan
 - D Untung Bersih = Modal Akhir – Modal Awal + Modal Tambahan + Ambilan
- 37 Kos overhead kilang termasuk
- I upah tak langsung
 - II cukai tanah kilang
 - III angkutan bahan mentah
 - IV susut nilai loji dan mesin
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 38 Kos tetap terdiri daripada
- I Kos bahan mentah
 - II Gaji penyelia
 - III Sewa kilang
 - IV Kos buruh
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D II dan IV
- 39 Peratus untung kasar atas jumlah jualan adalah
- A Tokokan
 - B margin untung kasar
 - C pulangan atas modal
 - D pulangan atas jualan

SULIT**3756/1**

- 40 Apakah maksud nisbah semasa 3 : 1?
- A Bagi setiap RM3 aset semasa, firma mempunyai RM1 liabiliti semasa.
 - B Bagi setiap RM1 aset semasa, firma mempunyai RM3 liabiliti semasa.
 - C Bagi setiap RM3 aset semasa, firma mempunyai RM1 aset bukan semasa.
 - D Bagi setiap RM3 aset bukan semasa, firma mempunyai RM1 aset semasa.

KERTAS SOALAN TAMAT

3756/2
Prinsip
Perakaunan
Kertas 2
September
2009



2 $\frac{1}{2}$ jam

JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2009
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI
SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A dan **satu** soalan dalam Bahagian B.
2. Bersama dengan kertas soalan ini, tiap-tiap calon diberi alat tulis perakaunan berikut:

Buku Tunai	2 helai
Jurnal	2 helai
Lejar	5 helai
3. Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
4. Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.
5. Mulakan tiap-tiap jawapan pada halaman yang baru.
6. Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.

Disediakan Oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai Oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Dicetak Oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

SULIT3756/2**Bahagian A**

[68 markah]

Jawab semua soalan

- 1 Encik Zamrushimi, pemilik Galeri Sukan Rushi yang membekal alatan sukan di bandar Kuala Terengganu. Aset dan liabiliti perniagaan pada 1 Mei 2009 adalah seperti berikut:

	RM
Premis	45 000
Overdraf bank	1 530
Stok	15 762
Tunai di tangan	210
Modal	55 492
Pemiutang: Aneka Sports	3 950

Lampiran A menunjukkan dokumen perniagaan Galeri Sukan Rushi berdasarkan urus niaga sepanjang bulan Mei 2009.

Anda dikehendaki:

- (a) menyediakan catatan dalam buku-buku catatan pertama yang sesuai termasuk Buku Tunai (Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak perlu ditunjukkan).
[10 markah]
- (b) memindahkan catatan daripada buku-buku catatan pertama ke lejar.
[11 markah]
- (c) mengimbangkan akaun-akaun dan menyediakan Imbangan Duga pada 31 Mei 2009.
[7 markah]

- 2 Nur Halimah menjalankan perniagaan Kraftangan Limah di bandar Chukai, Kemaman. Beliau tidak menyimpan akaun-akaunnya berdasarkan sistem catatan bergu. Maklumat kewangan perniagaannya adalah seperti berikut:

	1 Januari 2008	31 Disember 2008
	RM	RM
Kenderaan	35 000	35 000
Bank	(380)	5 394
Pemiutang	1 860	1 300
Stok	1 470	3 640
Perabot	3 600	6 048
Komisen belum terima	-	450
Gaji terdahulu	150	-
Faedah atas pinjaman terakru	-	350
Modal	37 980	?

Penerimaan dan pembayaran sepanjang tahun adalah seperti berikut:

<u>Penerimaan</u>		<u>Pembayaran</u>	
Komisen	880	Sewa	4 956
Pinjaman bank	5 000	Gaji	3 450
Jualan	23 900	Pemiutang	12 060
		Kadar bayaran	420
		Perabot	3 120

Maklumat tambahan:

- Diskaun diterima daripada pembekal RM241.
- Pemilik mengambil barang niaga RM560 untuk kegunaan peribadi belum direkod dalam buku perniagaan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Kawalan Pemiutang.
[3 markah]
- Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008.
[10 markah]
- Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2008 dengan menunjukkan modal kerja (dalam bentuk penyata).
[6 markah]

SULIT3756/2

- 3 Rashid dan Siva ialah pekongsi dalam Perkongsian Shidva. Maklumat kewangan perkongsian bagi tahun berakhir 30 Jun 2009 adalah berikut:

	RM
Modal pada 1 Julai 2008:	
Rashid	30 000
Siva	20 000
Penghutang	5 660
Pemiutang	3 290
Akaun Semasa pada 1 Julai 2008:	
Rashid	2 400
Siva	625 (Debit)
Untung bersih perkongsian	20 978
Bank	8 670
Ambilan:	
Rashid	2 600
Siva	4 500
Gaji Rashid	8 000

Ikatan perkongsian menyatakan perkara-perkara berikut:

- Faedah atas modal 3% setahun.
- Faedah ambilan pekongsi 4% setahun.
- Untung atau rugi dibahagi antara Rashid dan Siva mengikut nisbah 3:2.
- Rashid adalah pekongsi aktif dan bersetuju dibayar gaji RM800 sebulan.

Maklumat tambahan:

- Pada 1 Januari 2009, Siva membawa masuk alatan pejabat bernilai RM2 800 sebagai modal tambahan.
- Pada akhir tahun, Akaun Semasa Siva dikreditkan dengan elaun kerja lebih masa sebanyak RM980.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2009.

[4 markah]

- Akaun Modal dan Akaun Semasa bagi setiap pekongsi (beruangan).

[7 markah]

- 4 Puan Nurfarah menjalankan perniagaan Kedai Bunga Farah di Ketengah Jaya, Dungun. Imbangan Duga berikut disediakan oleh perniagaannya pada 30 Jun 2009:

Imbangan Duga pada 30 Jun 2009		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal		62 525
Angkutan keluar	170	
Penghutang	2 890	
Pemiutang		3 130
Belian	17 940	
Alatan pejabat	6 760	
Jualan		28 600
Bank	5 735	
Pulangan keluar		210
Angkutan masuk	530	
Kadar bayaran	1 250	
Premis	55 230	
Gaji	3 960	
	<u>94 465</u>	<u>94 465</u>

Sebelum akaun penamat dan Kunci Kira-kira disediakan, Puan Nurfarah menyedari terdapat beberapa kesilapan yang perlu diperbetulkan. Kesilapan yang dikesan ialah:

- (i) Belanja memperbaiki premis berjumlah RM230 direkod ke akaun Premis.
- (ii) Angkutan keluar RM140 direkod sebagai angkutan masuk.
- (iii) Ambilan barang niaga untuk kegunaan keluarga RM340 tertinggal catat dalam mana-mana buku perakaunan.
- (iv) Pemilik membawa masuk komputer peribadi bernilai RM2 900 untuk kegunaan perniagaan belum direkod dalam mana-mana buku perniagaan.

Anda dikehendaki:

- (a) membuat catatan pembetulan kesilapan dalam Jurnal Am.
- (b) menyediakan semula Imbangan Duga pada 30 Jun 2009.

[6 markah]

[4 markah]

SULIT**3756/2****BAHAGIAN B**

[12 markah]

Jawab satu soalan sahaja

- 5 Puan Masriani seorang pengusaha kedai kek bercadang mengeluarkan satu jenis kek terbaru iaitu Kek Marble Seri Kaya. Berikut ialah kajian kos dan hasil pengeluaran bagi kek tersebut untuk tempoh satu tahun:

	RM
Susut nilai mesin dan alatan	2 500 setahun
Pengiklanan	800 setahun
Tepung	0.50 sebiji
Mentega	1.70 sebiji
Telur	1.60 sebiji
Bahan mentah lain	0.30 sebiji
Pembungkusan	0.50 sebiji
Upah pekerja	0.40 sebiji
Harga jualan	8.00 sebiji

Anda dikehendaki:

- (a) menghitung jumlah Kos Tetap. [1 markah]
- (b) menghitung Kos Berubah sebiji. [1 markah]
- (c) melukis graf untuk menunjukkan Titik Pulang Modal dalam unit dan ringgit. [4 markah]
- (d) mengira untung atau rugi sekiranya perniagaan mengeluarkan 3 000 biji kek. [2 markah]
- (e) mengira Titik Pulang Modal jika kos berubah meningkat sebanyak RM0.50 sebiji. [2 markah]
- (f) menyatakan dua kegunaan Titik Pulang Modal. [2 markah]

- 6 Kreatif Batik dan Batik Merak Enterprise terlibat dalam industri batik di Kampung Ladang, Kuala Terengganu. Maklumat berikut diambil dari buku perniagaan mereka:

Kreatif Batik

	RM
Modal	103 900
Penghutang	3 780
Untung kasar	32 465
Untung bersih	19 675
Insurans terdahulu	220
Bank	10 365
Stok purata	16 200

Kadar pusing ganti stok ialah 8 kali

Batik Merak Enterprise

Tokokan	28%
Margin untung bersih	14.30%
Pulangan atas modal	19.76%
Kadar pusing ganti stok	9 kali

Anda dikehendaki:

- (a) menghitung perkara berikut bagi Kreatif Batik:
- (i) kos jualan
 - (ii) tokokan
 - (iii) margin untung bersih
 - (iv) pulangan atas modal
- (Berikan jawapan anda kepada dua titik perpuluhan yang paling hampir)
- [8 markah]
- (b) menentukan perniagaan manakah yang menunjukkan prestasi yang lebih baik. Berikan alasan anda.
- [2 markah]
- (c) menyatakan dua tujuan membuat tafsiran penyata kewangan.
- [2 markah]

SULIT

3756/2

LAMPIRAN A

DOKUMEN PERNIAGAAN

SALINAN

GALERI SUKAN RUSHI
166 Jalan Pejabat
20100 Kuala Terengganu
Tel.: 09-6224422

No.: 0839

Tarikh: 2 Mei 2009

RESIT RASMI

Terima daripada : *Norine Trading*

Ringgit : *Enam ratus enam puluh sahaja.*

Bayaran untuk : *Sewa*

RM660.00	
Tunai /No. Cek:	CBMB 280013

Zamrushi
Pengurus

DOKUMEN 1

SALINAN

GALERI SUKAN RUSHI
166 Jalan Pejabat
20100 Kuala Terengganu
Tel.: 09-6224422

No.: 2361

Kepada
Kelab Setia
49 Taman Permai
21060 Gong Badak
Kuala Terengganu

INVOIS

Tarikh: 6 Mei 2009

Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1 set	Baju bola sepak	2 400.00	2 400.00
20 biji	Bola sepak	120.00	2 400.00
1 pasang	Jaring bola sepak	620.00	620.00
20 pasang	Stokin	4.00	80.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			5 500.00
Jumlah			550.00
			4 950.00

(Ringgit: Empat ribu sembilan ratus lima puluh sahaja)

Syarat: 5 % 5 hari, 2 % 10 hari
Angkutan dibayar
K. & K. DiK.

Salihin
Penerima

Zamrushi
Pengurus

DOKUMEN 2

SULIT

3756/2

GALERI SUKAN RUSHI

166 Jalan Pejabat
20100 Kuala Terengganu

Tarikh: 7 Mei 2009

MEMO*Peringatan:*

*Pemilik membawa masuk tunai peribadi ke bank
RM6 000 untuk kegunaan perniagaan.*

Zamrushi
Pengurus

DOKUMEN 3

Tarikh	: 9 Mei 2009
Penerima	: Aneka Sports
Kerana	: Menjelaskan hutang

	Ringgit	Sen
Baki akhir	5 130	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	5 130	00
Cek ini	3 950	00
Baki	1 180	00

No.: 500871

KERATAN CEK

DOKUMEN 4

ASAL	EZAH ENTERPRISE No. 77 Mezzanine Floor Jalan Tuanku Abdul Rahman 50100 Kuala Lumpur Tel.: 03-26937161	No.: 1802	INVOIS
Kepada Galeri Sukan Rushi 166 Jalan Pejabat 20100 Kuala Terengganu	Tarikh: 11 Mei 2009		
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM
20 batang	Kayu hoki	80.00	1 600.00
50 biji	Bola hoki	25.00	1 250.00
10 keping	Pad hoki	90.00	900.00
20 pasang	Kasut sukan	170.00	3 400.00
			7 150.00
Tolak : Diskaun niaga 20%			1 430.00
Jumlah			5 720.00

(Ringgit: Lima ribu tujuh ratus dua puluh sahaja)

Syarat: 10 % 5 hari, 5% 10 hari

Angkutan dibayar
 K. & K. DiK.

Zamruslimi
 Penerima

Norezzah
 Pengurus

DOKUMEN 5

SALINAN	GALERI SUKAN RUSHI 166 Jalan Pejabat 20100 Kuala Terengganu Tel.: 09-6224422	No.: 0840	
		Tarikh: 13 Mei 2009	
RESIT RASMI			
Terima daripada	: Kelab Setia		
Ringgit	: Empat ribu lapan ratus lima puluh satu sahaja.		
Bayaran untuk	: Menjelaskan invois no. 2361. (Diskaun tunai RM99.00)		

RM4 851.00	
Tunai /No. Cek:	CIMB 234033

Zamruslimi
 Pengurus

DOKUMEN 6

SULIT

3756/2

ASAL Kepada Galeri Sukan Rushi 166 Jalan Pejabat 20100 Kuala Terengganu	EZAH ENTERPRISE No. 77 Mezzanine Floor Jalan Tuanku Abdul Rahman 50100 Kuala Lumpur Tel.: 03-26937161	No.: 0341 Tarikh: 17 Mei 2009													
NOTA DEBIT															
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 15%;">Kuantiti</th> <th style="width: 45%;">Perkara</th> <th style="width: 20%;">Harga Seunit (RM)</th> <th style="width: 20%;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>10 keping</td> <td>Pad hoki (Tertinggal catat dalam invois no.1802) Tolak: Diskaun niaga 20%</td> <td>90.00</td> <td>900.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3" style="text-align: right;">Jumlah</td> <td>720.00</td> </tr> </tbody> </table>				Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)	10 keping	Pad hoki (Tertinggal catat dalam invois no.1802) Tolak: Diskaun niaga 20%	90.00	900.00	Jumlah			720.00
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)												
10 keping	Pad hoki (Tertinggal catat dalam invois no.1802) Tolak: Diskaun niaga 20%	90.00	900.00												
Jumlah			720.00												
(Ringgit: Tujuh ratus dua puluh sahaja)															
Syarat: 10 % 5 hari, 5 % 10 hari Angkutan dibayar K. & K. DiK.		<i>Zamrushi</i> Penerima	<i>Norezzah</i> Pengurus												

DOKUMEN 7

SALINAN Kepada Nur Balqis	GALERI SUKAN RUSHI 166 Jalan Pejabat 20100 Kuala Terengganu Tel.: 09-6224422	BT: 0693 Tarikh: 21 Mei 2009																					
BIL TUNAI																							
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 15%;">Kuantiti</th> <th style="width: 45%;">Perkara</th> <th style="width: 20%;">Harga Seunit (RM)</th> <th style="width: 20%;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2 pasang</td> <td>Kasut sukan</td> <td>240.00</td> <td>480.00</td> </tr> <tr> <td>2 batang</td> <td>Kayu hoki</td> <td>112.00</td> <td>224.00</td> </tr> <tr> <td>2 biji</td> <td>Bola hoki</td> <td>35.00</td> <td>70.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3" style="text-align: right;"></td> <td>774.00</td> </tr> </tbody> </table>				Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)	2 pasang	Kasut sukan	240.00	480.00	2 batang	Kayu hoki	112.00	224.00	2 biji	Bola hoki	35.00	70.00				774.00
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)																				
2 pasang	Kasut sukan	240.00	480.00																				
2 batang	Kayu hoki	112.00	224.00																				
2 biji	Bola hoki	35.00	70.00																				
			774.00																				
(Ringgit: Tujuh ratus tujuh puluh empat sahaja)																							
RM774.00 Tunai/No. Cek:		<i>Zamrushi</i> Pengurus																					

DOKUMEN 8

3756/2

SALINAN

GALERI SUKAN RUSHI

No.: 2362

166 Jalan Pejabat
20100 Kuala Terengganu
Tel.: 09-6224422

Kepada

Purnama Trading
124 Kampung Rhu Tapai
Merang
21010 Setiu Terengganu

INVOIS

Tarikh: 23 Mei 2009

Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
10 pasang	Kasut sukan	270.00	2 700.00
10 keping	Pad hoki	140.00	1 400.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			4 100.00
Jumlah			410.00
			3 690.00

(Ringgit: Tiga ribu enam ratus sembilan puluh sahaja)

Syarat: 5 % 5 hari, 2 % 10 hari
Angkutan dibayar
K. & K. DiK.Stanley
PenerimaZamrushi
Pengurus

DOKUMEN 9

GALERI SUKAN RUSHI

166 Jalan Pejabat
20100 Kuala Terengganu

Tarikh: 26 Mei 2009

MEMO

Peringatan:

Pemilik mengambil 10 biji bola sepak berkos RM750.00
untuk didermakan kepada rumah anak yatim Darul Insaf.Zamrushi
Pengurus

DOKUMEN 10

SULIT

3756/2

SALINAN	GALERI SUKAN RUSHI 166 Jalan Pejabat 20100 Kuala Terengganu Tel.: 09-6224422	NK: 0198	
Kepada Purnama Trading 124 Kampung Rhu Tapai Merang 21010 Setiu Terengganu	NOTA KREDIT	Tarikh: 28 Mei 2009	
Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:			
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
2 pasang	Kasut sukan	270.00	540.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			54.00
Jumlah			486.00
(Barang dipulangkan kerana silap jenama) (Ringgit: Empat ratus lapan puluh enam sahaja)			
Syarat: 10 % 5 hari, 5 % 10 hari Angkutan dibayar K. & K. DiK.			
			<i>Zamrushi</i> Pengurus

DOKUMEN 11

SALINAN	GALERI SUKAN RUSHI 166 Jalan Pejabat 20100 Kuala Terengganu Tel.: 09-6224422	No.: 0375/09	
Kepada Tenaga Nasional Berhad	BAUCER PEMBAYARAN	Tarikh: 30 Mei 2009	
Bil.	Keterangan	No. Cek	Jumlah (RM)
1.	Bil elektrik bulan Mei 2009	Tunai	185.00
Jumlah			185.00
(Ringgit: Satu ratus lapan puluh lima sahaja)			
			Diluluskan oleh: <i>Zamrushi</i> Pengurus

DOKUMEN 12**KERTAS SOALAN TAMAT**

SULIT

3756/1
Prinsip
Perakaunan
Kertas 1
September
2009



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU
PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2009

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

PRINSIP PERAKAUNAN

SKEMA JAWAPAN

Kertas 1

Jawapan Objektif :

No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan
1.	B	11.	B	21.	C	31.	D
2.	A	12.	D	22.	B	32.	B
3.	A	13.	D	23.	C	33.	A
4.	C	14.	A	24.	D	34.	A
5.	A	15.	C	25.	D	35.	B
6.	B	16.	A	26.	C	36.	C
7.	B	17.	B	27.	B	37.	B
8.	D	18.	D	28.	C	38.	C
9.	A	19.	A	29.	A	39.	B
10.	D	20.	C	30.	B	40.	A

JURNAL AM

Tarikh	Perkara	Debit	Kredit
2009 Mei 1	Premis Stok Tunai Bank Aneka Sports Modal (Baki-baki aset, liabiliti dan ekuiti)	RM 45 000 15 762 210 60 972	RM 1 530 3 950 55 492 60 972
26	Derma Belian (Mendermakan barang niaga/bola sepak kepada rumah anak yatim Darul Insaf) (½)	750 (½)	750 (½)

JURNAL JUALAN

Tarikh	Perkara	Folio	Ket.	Jumlah
2009 Mei 6	Kelab Setia			RM 4 950 (½)
23	Purnama Trading			3 690 (½)
31	Akaun Jualan/Jumlah jualan kredit	(Kt)		8 640 (½)

JURNAL BELIAN

Tarikh	Perkara	Fol.	Ket.	Jumlah
2009 Mei 11	Ezah Enterprise			RM 5 720 (½)
17	Ezah Enterprise			720 (½)
31	Akaun Belian/ Jumlah belian kredit	(Dt)		6 440 (½)

JURNAL PULANGAN JUALAN / PULANGAN MASUK

Tarikh	Perkara	Folio	Ket.	Jumlah
2009 Mei 28	Purnama Trading			RM 486 (½)
31	Ak. Pul. Jualan/Pul. Masuk/ Jumlah pulangan jualan/Jumlah pulangan masuk	(Dt)		486 (½)

BUKU TUNAI

Tarikh	Perkara	Fol.	Disk.	Tunai	Bank	Tarikh	Perkara	Fol.	Disk.	Tunai	Bank
2009						2009					
Mei 1	Baki b/b/Baki		RM	RM	RM	Mei 1	Baki b/b/Baki		RM	RM	RM
2	Sewa/Sewa diterima			210 (½)	660 (½)	9	Aneka Sports				1 530 (½)
7	Modal				6 000 (½)	30	Kadar bayaran/ Elektrik			185 (½)	3 950 (½)
13	Kelab Setia		99 (½)		4 851 (½)						
21	Jualan			774 (½)		31	Baki h/b /Baki			799	6 031
Jun 1	Baki b/b / Baki		99	984	11 511				-	984	11 511
			-	799	6 031						

(10)

Premis			
Mei 1	Baki b/b/Baki	RM 45 000 (½)	
Jun 1	Baki b/b/Baki	45 000	
Mei 31	Baki h/b/Baki	RM 45 000	
Stok			
Mei 1	Baki b/b/Baki	RM 15 762 (½)	
Jun 1	Baki b/b/Baki	15 762	
Mei 31	Baki h/b/Baki	RM 15 762	
Aneka Sports			
Mei 9	Bank	RM 3 950 (½)	
Mei 1	Baki b/b/Baki	RM 3 950 (½)	
Modal			
Mei 31	Baki h/b/Baki	RM 61 492	
Mei 1	Baki b/b/Baki	55 492 (½)	
7	Bank	6 000 (½)	
Jun 1	Baki b/b/Baki	61 492	
Derma			
Mei 26	Belian	RM 750 (½)	
Jul 1	Baki b/b/Baki	750	
Mei 31	Baki h/b/Baki	RM 750	
Belian			
Mei 31	Pelbagai pemiutang/ Pemiutang	RM 6 440 (½)	
Jun 1	Baki b/b/Baki	6 440	
Mei 26	Derma	RM 750 (½)	
31	Baki h/b/Baki	5 690	
		6 440	
Kelab Setia			
Mei 6	Jualan	RM 4 950 (½)	
Mei 13	Bank	RM 4 851 (½)	
	Diskaun diberi/ Diskaun	99 (½)	
		4 950	

Purnama Trading

	RM		RM
Mei 23 Jualan	3 690 (½)	Mei 28 Pulangan jualan/ Pul masuk/ Pulangan	486 (½)
	<u>3 690</u>	31 Baki h/b/Baki	<u>3 204</u>
Jun 1 Baki b/b/Baki	3 204		<u>3 690</u>

Jualan

	RM		RM
Mei 31 Baki h/b /Baki	9 414	Mei 21 Tunai	774 (½)
	<u>2 521</u>	31 Pel. penghutang	8 640 (½)
			<u>9 414</u>
		Jun 1 Baki b/b /Baki	9 414

Ezah Enterprise

	RM		RM
Mei 31 Baki h/b/Baki	6 440	Mei 11 Belian	5 720 (½)
	<u>6 440</u>	17 Belian	720 (½)
			<u>6 440</u>
		Jun 1 Baki b/b/Baki	6 440

Pulangan Jualan/ Pulangan Masuk

	RM		RM
Mei 31 Pel. penghutang/ Penghutang	486 (½)	Mei 31 Baki h/b/Baki	<u>486</u>
Jun 1 Baki b/b /Baki	486		

Sewa/Sewa diterima

	RM		RM
Mei 31 Baki h/b/Baki	<u>660</u>	Mei 2 Bank	660 (½)
		Jun 1 Baki b/b /Baki	660

Kadar bayaran/Elektrik

	RM		RM
Mei 30 Tunai	185 (½)	Mei 31 Baki h/b/Baki	<u>185</u>
Jun 1 Baki b/b/Baki	185		

Diskaun Diberi/Diskaun

	RM		RM
Mei 31 Pelbagai penghutang/ Penghutang	99 (½)	Mei 31 Baki h/b/Baki	<u>99</u>
Jun 1 Baki b/b/Baki	99		

Galeri Sukan Rushi
Imbangan Duga pada 31 Mei 2009

	Debit		Kredit
	RM		RM
Tunai / Tunai di tangan	* 799 (½)	Modal	* 61 492 (½)
Bank / Tunai di bank	* 6 031 (½)	Jualan	* 9 414 (½)
Premis	45 000 (½)	Ezah Enterprise	* 6 440 (½)
Stok	15 762 (½)	Sewa / Sewa diterima	660 (½)
Derma	750 (½)		
Belian	* 5 690 (½)		
nama Trading	* 3 204 (½)		
Pulangan jualan / Pulangan			
masuk/Pulangan	486 (½)		
Kadar bayaran / Elektrik	185 (½)		
Diskaun diberi/ Diskaun	99 (½)		
	<u>78 006</u>		<u>78 006</u>

(7)
[28 markah]

Nota:

- * Terima angka sendiri.
- Terima Jurnal Am pembukaan tetapi tiada markah diberikan.
- Tarikh, butir dan angka mestilah betul dalam (a). Butir dan angka mesti betul dalam (b) dan (c). Abaikan tarikh dalam (b).
- Tiada markah untuk tajuk Imbangan Duga.
- Perkataan "Debit/Dt., Kredit/Kt." dalam buku catatan pertama mestilah jarak dan tidak mengganggu butir jika diletakkan dalam ruangan butir. Jika dibuat dalam kurungan jarak tidak diambil kira. Jika dicatat dalam ruangan folio, abaikan kurungan.
- Jika tiada tajuk ruangan dalam Buku Tunai, sebelah debit dianggap ruangan diskaun diberi, tunai dan bank. Sebelah kredit pula dianggap ruangan tunai dan bank.
- Jika satu butir wujud 2 kali dalam (a), kecuali catatan pembukaan, dikira salah kedua-duanya. Perkara yang sama dipakai dalam (b).
- Jika (a) tiada tajuk, butir pertama menentukan jenis jurnal. Tajuk mesti betul dalam (b).
- Terima (c) dalam bentuk beruangan dan butir yang berselang seli debit/kredit.

(a)

Akaun Kawalan Pemiutang			
	RM		RM
Bank	12 060 (1)	Baki b/b/Baki	1 860
Diskaun diterima/Diskaun	241 (1)	Belian	11 741 (1OF)
Baki h/b/Baki	1 300		13 601
	<u>13 601</u>	Baki h/b/Baki	<u>1 300</u>
			(3)

(b)

Kraftangan Limah
Penvata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

Jualan	RM	RM	
		23 900	(1)
<u>Tolak: Kos Jualan</u>			
Stok awal/Stok 1 Januari 2008/Stok	1 470		
Belian (11 741 - 560)	11 181		(1)
	12 651		
(-) Stok akhir/Stok 31 Disember 2008/Stok	<u>3 640</u>		
Kos jualan		9 011	(1OF)
Untung kasar		<u>14 889</u>	(1OF)
<u>(+) Hasil:</u>			
Komisen/Komisen diterima (880 + 450)	1 330		(1)
Diskaun diterima/Diskaun	<u>241</u>	<u>1 571</u>	
		16 460	
<u>(-) Belanja:</u>			
Sewa	4 956		
Gaji (3 450 + 150)	3 600		(1)
Kadar bayaran	420		
Faedah atas pinjaman	350		(1)
Susut nilai perabot (3 600 + 3 120 - 6 048)	<u>672</u>		(1 + 1OF)
		9 998	
Untung bersih / Untung		<u>6 462</u>	(1OF)

(10)

Kraftangan Limah
Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2008

	RM	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Kenderaan		35 000	
Perabot		6 048	
		<u>41 048</u>	
<u>Aset Semasa</u>			
Bank	5 394		
Stok akhir/Stok 31 Disember 2008/Stok	3 640		
Komisen belum terima/Komisen	450		(1)
		9 484	
Tolak: Liabiliti Semasa			
Pemiutang	1 300		
Faedah atas pinjaman terakru	350		(1)
		1 650	
Modal Kerja			7 834 (1OF)
			<u>48 882</u>
<u>Ekuiti Pemilik</u>			
Modal awal/Modal 1 Januari 2008/Modal		37 980	
(+) Untung bersih/Untung		6 462	(1)
		44 442	
(-) Ambilan		560	(1)
Modal akhir		43 882	(1OF)
<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>			
Pinjaman bank		5 000	
		<u>48 882</u>	

(6)

Nota:

[19 markah]

1. Butir dan angka mesti betul untuk dapat markah.
2. Kos jualan dan modal kerja mesti ada butiran untuk dapat markah.
3. Butir modal kerja mestilah selepas tolakan aset semasa dengan liabiliti semasa.
4. 1OF diberi sekiranya tiada butir asing dan komponen yang salah.
5. 1 + 1OF diberi dengan syarat ada "base" dan satu "adjustment" betul.

(a)

Perkongsian Shidva			
Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2009			
RM		RM	
Faedah atas modal:		Untung bersih	
Rashid (3% x 30 000)	900		20 978
Siva (3% x 20 000 = 600)		Faedah atas ambilan:	
(3% x 2 800 x 6/12 = 42)	642	Rashid (4% x 2 600)	104
		Siva (4% x 4 500)	180
			284
	1 542		
Gaji Rashid	9 600		
Elaun Siva	980		
Kongsi untung:			
Rashid	5 484		
Siva	3 656		
	9 140		
	21 262		21 262

(4)

Nota:

- 1 Syarat 1 OF untuk kongsi untung ialah mesti ada 3 daripada 6 bagi nilai individu yang betul iaitu:
 - (i) Faedah atas modal Rashid RM900
 - (ii) Faedah atas modal Siva RM642
 - (iii) Gaji Rashid RM9 600
 - (iv) Elaun Siva RM980
 - (v) Faedah atas ambilan Rashid RM104
 - (vi) Faedah atas ambilan Siva RM172

(b)

Akaun Modal					
		Rashid	Siva		
		RM	RM		
2009				2008	
Jun 30	Baki h/b	30 000	22 800	Jul 1	Baki b/b
				2009	
				Jan 1	Alatan pejabat
		30 000	22 800		2 800
					30 000
				2009	
				Jul 1	Baki b/b
					30 000
					22 800

(2)

Akaun Semasa

	Rashid	Siva		Rashid	Siva	
	RM	RM		RM	RM	
Baki b/b/Baki		625	Baki b/b/Baki	2 400		
Ambilan	2 600	4 500	Faedah atas modal	900	642	(1+1OF)
Faedah atas ambilan	104	180	Kongsi untung	5 484	3 656	
Baki h/b/Baki	7 680		Gaji	1 600		(1)
			Elaun		980	(1)
			Baki h/b/Baki		27	
	10 384	5 305		10 384	5 305	
Baki b/b/Baki		27	Baki b/b/Baki	7 680		(1OF for all)

Nota:

(5)

- 1 Abaikan tarikh dalam (b)
- 2 Syarat 1 + 1OF ialah mesti ada based item iaitu Ambilan Rashid RM2 600 dan Ambilan Siva RM4 500 serta item-item berpasangan berikut betul iaitu:
 - (i) Faedah atas ambilan Rashid RM104 dan Faedah atas ambilan Siva RM180
 - (ii) Faedah atas modal Rashid RM900 dan Faedah atas modal Siva RM642
 - (iii) Kongsi untung Rashid RM5 484 dan Kongsi untung Siva RM3 656
- 3 Manakala 1OF diberi sekiranya ada based item iaitu Ambilan Rashid RM2 600 dan Ambilan Siva RM4 500 dan 2 daripada item berikut betul:
 - (i) Faedah atas ambilan Rashid RM104 dan Faedah atas ambilan Siva RM180
 - (ii) Faedah atas modal Rashid RM900 dan Faedah atas modal Siva RM642
 - (iii) Kongsi untung Rashid RM5 484 dan Kongsi untung Siva RM3 656
- (iii) 1OF boleh diberi dengan syarat ada baki h/b (di sebelah debit) dan baki b/b (kredit) bagi Rashid dan baki h/b (di sebelah kredit) dan baki b/b (debit) bagi Siva berpasangan dan boleh terima angka sendiri dengan syarat tiada butir asing.

Jurnal Am			
Tarikh	Perkara	Debit	Kredit
(i)	Belanja membaiki premis Premis (Pembetulan kesilapan belanja membaiki premis direkod ke akaun Premis) (½)	RM 230 (½)	RM 230 (½)
(ii)	Angkutan keluar Angkutan masuk (Pembetulan kesilapan merekod angkutan keluar sebagai angkutan masuk) (½)	140 (½)	140 (½)
(iii)	Ambilan Belian (Merekod ambilan barang niaga untuk kegunaan keluarga) (½)	340 (½)	340 (½)
(iv)	Alatan pejabat Modal (Merekod komputer dibawa masuk oleh pemilik untuk kegunaan perniagaan) (½)	2 900 (½)	2 900 (½)

(6)

Kedai Bunga Farah
Imbangan Duga pada 30 Jun 2009

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal (62 525 + 2 900)		65 425 (½)
Angkutan keluar (170 + 140)	310 (½)	
Penghutang	2 890	
Pemiutang		3 130
Belian (17 940 – 340)	17 600 (½)	
Alatan pejabat (6 760 + 2 900)	9 660 (½)	
Jualan		28 600
Bank	5 735	
Pulangan keluar		210
Angkutan masuk (530 – 140)	390 (½)	
Kadar bayaran	1 250	
Premis (55 230 – 230)	55 000 (½)	
Gaji	3 960	
Belanja membaiki premis	230 (½)	
Ambilan	340 (½)	
	<u>97 365</u>	<u>97 365</u>

(4)

[10 markah]


3756/2

11

[Lihat sebelah
SULIT]

$$\begin{aligned} \text{(a) Kos tetap} &= 2\,500 + 800 \\ &= \underline{\text{RM3}\,300} \end{aligned} \quad (1)$$

$$\begin{aligned} \text{(b) Kos berubah sebiji} &= 0.50 + 1.70 + 1.60 + 0.30 + 0.50 + 0.40 \\ &= \underline{\text{RM5.00}} \end{aligned} \quad (1)$$



$$\begin{aligned} \text{(d) Untung} &= (\text{Margin caruman seunit} \times \text{unit pengeluaran}) - \text{Kos tetap} && \text{or } (1/2) \\ &= (\text{RM3.00} \times 3\,000 \text{ unit}) - 3\,300 && \text{or } (1) \\ &= \text{RM9}\,000 - 3\,300 && \text{or } (1) \\ &= \underline{\text{RM5}\,700} && (2) \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{(e) Titik Pulang Modal} &= \frac{\text{Kos tetap}}{\text{Margin caruman seunit}} && \text{or } (1/2) \\ &= \frac{3\,300}{8.00 - 5.50} && \text{or } (1) \\ &= \frac{3\,300}{2.50} && \text{or } (1) \\ &= \underline{1\,320 \text{ biji}} && (2) \end{aligned}$$

(f) Dua kegunaan Titik Pulang Modal:

- (i) Untuk menentukan jumlah keuntungan pada tahap pengeluaran atau jualan tertentu. (1)
 - (ii) Merancang kuantiti yang perlu dijual untuk mencapai tahap keuntungan yang disasarkan. (1)
 - (iii) Merancang pengeluaran atau jualan jika berlaku perubahan terhadap kos tetap atau kos berubah atau harga jualan seunit. (1)
- (max. 2)

- (a)
- (i) Kos jualan = $\text{Kadar Pusing Ganti Stok} \times \text{Stok Purata}$
 = $8 \times \text{RM}16\,200$
 = RM129 600 (2)
- (ii) Tokokan = $\frac{\text{Untung kasar}}{\text{Kos jualan}} \times 100$ or (½)
 = $\frac{32\,465}{*129\,600} \times 100$ or 1
 = 25.05% (2)
- (iii) Margin untung bersih = $\frac{\text{Untung bersih}}{\text{Jualan}} \times 100$ or (½)
 = $\frac{19\,675}{*129\,600 + 32\,465} \times 100$ or 1
 = $\frac{19\,675}{162\,065} \times 100$ or 1
 = 12.14% (2)
- (iv) Pulangan atas modal = $\frac{\text{Untung bersih}}{\text{Modal}} \times 100$ or (½)
 = $\frac{19\,675}{103\,900} \times 100$ or 1
 = 18.94% (2)
- (b)
- Batik Merak Enterprise (1)
 - **Pulangan atas modal** Batik Merak Enterprise **lebih tinggi** iaitu 19.76% berbanding Kreatif Batik iaitu 18.94%. (1)
 - **Margin untung bersih** Batik Merak Enterprise **lebih tinggi** iaitu 14.30% berbanding Kreatif Batik iaitu 12.14%. (1)
 - **Kadar pusing ganti stok** Batik Merak Enterprise **lebih tinggi** iaitu 9 kali berbanding Kreatif Batik iaitu 8 kali. (1)
- (max. 1)
- (c) Tujuan membuat tafsiran kewangan:
- (i) membantu pihak pengurusan membuat keputusan. (1)
 - (ii) membantu pelabur atau bakal pelabur untuk membuat keputusan tentang pelaburan. (1)
 - (iii) membantu pihak bank atau pemiutang membuat keputusan berkaitan dengan kemudahan kredit. (1)
- (max. 2)

Nota:

1. *terima angka sendiri.
2. Jawapan (ii), (iii) dan (iv) mesti ada simbol peratus.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

3756/2

13

SULIT